

Analisis Metodologi Kritikan Ḥadīth dan Pensejarahan Ibn Ḥibbān al-Bustī (m. 354/965) Berhubung Sirah Nabi

Sīra of the Prophet: An Analysis on Methodology of Ḥadīth Criticism and Historiography of Ibn Ḥibbān al-Bustī (d. 354AH/965CE)

Muhammad Fawwaz Bin Muhammad Yusoff

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +6067986727 E-mail: fawwaz@usim.edu.my

Abstrak

Metodologi kritikan ḥadīth berkembang dalam dunia Islam sejak abad pertama hijrah dan masih menjadi ciri khas keserjanaan Islam sehingga hari ini. Salah seorang ilmuwan ḥadīth prolific, Ibn Ḥibbān al-Bustī telah menghasilkan kamus biografi *Kitāb al-Thiqāt* yang merupakan karya berharga buat pengkajian tiga abad pertama hijrah samada daripada sudut metodologi kritikan ḥadīth mahupun rakaman sejarah awal Islam yang tidak berhubungan dengan ilmu ḥadīth. Artikel ini menyusur galur penggunaan metodologi kritikan ḥadīth dan kerangka kronologi bagi penilaian tekstual warisan nabawi serta pengelompokan generasi manusia dari masa atau zaman yang sama (*ṭabaqāt*). Dengan menggunakan dua kajian kes berserta analisis kandungan, percubaan makalah ini adalah untuk membentangkan pendekatan Ibn Ḥibbān terhadap *sīra* Nabi Muhammad lantas menuju kepada beberapa pertimbangan umum mengenai hubungan ilmu ḥadīth dan pensejarahan (historiografi). Hasil kajian memperlihatkan pendekatan pensejarahan melalui metodologi kritikan ḥadīth lahir daripada interaksi Ibn Ḥibbān bersama teks *sīra* serta perhubungan aktif yang menggabungkan elemen-elemen berlainan; apa yang dibaca Ibn Ḥibbān, metodologi beliau, kecenderungan ideologi, aspirasi di dalam penulisan *al-Thiqāt* dan lain-lain lagi. Secara keseluruhannya, kesemua hasil kerja beliau membolehkan para pembaca atau penyelidik untuk merungkaikan

pelahiran maksud berlainan dan unik berhubung cerita kehidupan Nabi Muhammad.

Kata Kunci: Ibn Ḥibbān; Kitāb al-Thiqāt; Metodologi Kritikan Ḥadīth; Historiografi; Sīra; Tarājim

Abstract

Ḥadīth criticism flourished in the Islamic world since the first century of hijra and remains a compelling characteristic of Muslim cultural life today. One of the most prolific ḥadīth scholar Ibn Ḥibbān al-Bustī is credited with *Kitāb al-Thiqāt*, where it has been one of the most valuable sources for the study of the first three centuries of ḥadīth transmitter criticism and a record of medieval Islamic history, and even of non-ḥadīth transmission. This article discusses the use of methodology of ḥadīth criticism and chronological framework in evaluating the prophetic textual heritage and to cluster generation of people from the same time period (*ṭabaqāt*). By employing two case studies and content analysis, an attempt is made to describe Ibn Ḥibbān's approach on *sīra* of the Prophet, in order to arrive at some general considerations on the relation of ḥadīth studies and historiography. The finding shows that the historiographical approach through the methodology of ḥadīth criticism is borne out of the interaction between Ibn Ḥibbān and the *sīra* corpora, and this is a deeply personal action; it is a reflection of the self that incorporates a

number of different elements: what Ibn Ḥibbān has read, his methodology, ideological leanings, aspiration in writing the *Kitāb al-Thiqāt*, and so on. The overall output of his works, its purpose is to enable one to figure out the expression of a different and unique description of Prophet's life story.

Pendahuluan

Mutakhir ini, beberapa kajian menunjukkan minat membandingkan antara historiografi karya *sīra* dan *maghāzī* daripada *Sīra Ibnu Ishāq*, *Maghāzī al-Wāqidi* dan *Tārīkh al-Ṭabarī* bersama karya ḥadīth seperti *Ṣaḥīḥ Bukhārī* dan lain-lain (Wansbrough, 1978; Lecker, 1995; Zaman, 1996; Shoemaker, 2012). Menurut John Wansbrough, perkara yang diperakui adalah data-data yang membentuk karya-karya tersebut pada umumnya sama (Wansbrough 1977, 183). Walau bagaimanapun, apa yang membezakan data-data ini antara satu sama lain ialah struktur naratif, susunan kronologi serta kaedah piawai untuk membina struktur tersebut. Pada dasarnya, *sīra* berhubung Nabi Muhammad telah dikumpulkan bukan sahaja sebagai asas peraturan kehidupan umat Islam, tetapi juga kesatuan model Islam yang merupakan kepentingan sebenar. Menguji kaedah Ibn Ishāq (meninggal 159 H/770 M), Muhammad Hamidullah menyatakan bahawa Ibn Ishāq telah mengambil pandangan kesejagatan sejarah seluruh dunia di mana semua manusia saling berhubungan dan kemunculan Nabi Muhammad sebagai utusan terakhir daripada semua nabi menandakan arah pergerakan matlamat sejarah dunia (Hamidullah 1967, 93). Oleh hal yang demikian, berasaskan pemahaman tersebut, Ibn Ḥibbān dan tokoh-tokoh lain merakam *sīra* Nabi Muhammad di bawah bahagian yang dikhaskan untuk sejarah dunia (Ibn Ḥibbān 1993, 14/5). Sebagai contoh, di dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, bahagian yang bernama *Tārīkh* bermula dengan penciptaan dunia, kisah-kisah para nabi yang terdahulu, dan kemudian diteruskan hingga ḥadīth berhubung peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan Nabi Muhammad (Rosenthal 1952, 23).

Daripada penulisan bahagian *Tārīkh* tersebut, boleh dimengerti bahawa Ibn Ḥibbān memilih maklumat sejarahnya setelah sumber-sumber tersebut melalui proses 'metodologi kritikan ḥadīth' (Bin Muhammad Yusoff, 2017). Metodologi ini berkembang dalam dunia Islam sejak abad pertama hijrah dan masih menjadi ciri khas keserjanaan Islam sehingga hari ini. Bukan hanya para ilmuwan ḥadīth yang secara rasmi membincangkan metodologi ini, namun tokoh-tokoh tafsir Al-Quran, pakar-pakar fiqh, ahli teologi, sejarawan dan yang lain-lain kesemuanya memberikan sumbangan penting kepada pembinaan metodologi tersebut. Sebagai contoh, Muhammad Mustafa A'zami telah membawa satu tajuk iaitu *comparison* (perbandingan) sebagai kaedah kritikan awal pada zaman para sahabat Nabi Muhammad (A'zami 2002, 69). Contohnya, Khalifah pertama Abū Bakr al-Ṣiddīq membandingkan kenyataan Mughīra b. Shu'ba (m. 50/670) tentang Nabi Muhammad dan juga pengakuan Maslama al-Anṣārī mengenai isu harta warisan buat seorang nenek. Manakala Nabia Abbott memaparkan kisah yang disandarkan kepada 'Alī b. Abī Ṭālib di mana peranan *matn* (teks/kandungan) diletakkan di hadapan *isnād* (rangkaian periwayatan). Begitulah juga *matn* yang mengitar di kalangan para Sahabat ketika dilakukan pengumpulan dan perbandingan ḥadīth di dalam sesi masjid 'Ubada b. al-Sāmit al-Anṣārī (m. 34/654) (Abbott 1967, 75). Nabia turut berpendapat hanyalah setelah sampai ke zaman *fitna* ("perang saudara" pertama), para sahabat mula mempersoalkan mengenai kekuatan sumber-sumber cerita dan ketepatan tradisi mereka. Oleh hal yang demikian, para sarjana ḥadīth berusaha menyusun dan meneliti siri-siri nama yang menghubungkan masa mereka sehingga kepada autoriti zaman Nabi Muhammad. Mereka juga turut memberi tumpuan kepada kedudukan para perawi ḥadīth yang pada akhirnya akan mempengaruhi penilaian keseluruhan sesuatu ḥadīth.

Di dalam *al-Thiqāt*, Ibn Ḥibbān berpandangan bahawa Shu'ba b. al-Ḥajjāj (m. 160/776) adalah ilmuwan pertama yang meneliti atau

mengkritik para perawi ḥadīth di Iraq lantas tersebar ke seluruh dunia Muslim (Ibn Ḥajar 1325H, 4/345). Kaedah Shu'ba dituruti Yahyā b. Sa'īd al-Qaṭṭān (m. 198/813), Aḥmad b. Ḥanbal dan ramai lagi. Bagi Ibn Ḥibbān, disiplin kritikan perawi ḥadīth harus berkembang memandangkan ilmuwan yang berkecimpung di dalamnya dapat menguasai ilmu-ilmu Islam lantas menyempurnakan pengetahuannya tentang Islam. Tidak dapat dinafikan bahawa tumpuan perbincangan metodologi para ilmuwan ḥadīth awal berkisar mengenai penelitian *isnād*. Kebergantungan ḥadīth pada *isnād* adalah salah satu daripada tanggapan asas pemahaman klasik tentang ḥadīth, dan kesannya sistem yang kompleks telah dibangunkan untuk menilai keaslian *isnād*.

Manakala daripada sudut kandungan sumber sejarah Ibn Ḥibbān, turut dilihat sandaran beliau kepada 'Urwa b. al-Zubayr (m. 94/712), yang terkenal sebagai pengasas 'Sekolah Sejarah Madinah,' Hishām (m. 146/763), al-Zuhrī (m. 124/742), dan Ibn Abī Shayba (m. 235/849) sepanjang karyanya. Sama seperti ilmuwan-ilmuwan ḥadīth sebelumnya, Ibn Ḥibbān mengumpul dan menyalin data lalu memberi klasifikasi yang sewajarnya. Terdapat banyak kisah-kisah mengenai Nabi Muhammad dan para nabi sebelum zaman Ibn Ḥibbān yang telah dirakam, namun atas beberapa sebab dia tidak memasukkan ke dalam karyanya. Sumber sejarah pada zamannya juga telah meluas hingga boleh diperolehi daripada ilmuwan bukan Muslim. Menurut 'Abd al-Azīz Durī, Ibn Qutayba (m. 282/891) adalah tokoh pertama yang mengamati Kitab Bible tentang permulaan penciptaan atau kejadian dan sejarah para nabi tanpa sebarang dolak-dalik ('Abd al-Azīz Durī 1983, 68). 'Abd al-Azīz turut menekankan bahan-bahan sejarah Ibn Qutayba dihormati kerana keberkecualiannya dan kepentingannya terhadap perkara fakta sejarah. Adakalanya Ibn Qutayba membentangkan pandangan-pandangan utama berhubung sesuatu peristiwa tetapi pada kebanyakan tempat dia memberikan penilaian asalnya sendiri.

Lebih awal sebelum Ibn Qutayba, boleh didapati tokoh sīrah terkenal Ibn Ishāq mengambil maklumat berhubung dengan sejarah Islam daripada orang-orang Yahudi dan Kristian. Apabila beliau mengumpul bahan-bahan daripada kedua-dua pihak tersebut, beliau akan memetik dengan menamakan 'Yahudi' atau 'Kristian tersebut' atau sebagai 'sebahagian *ahl al-Kitab*.' Walaupun sedemikian, tindakan beliau ini telah mendapat kritikan keras daripada ilmuwan terkenal yang sezaman dan setempat dengan beliau iaitu Malik b. Anas (m. 179/795) (*Encyclopaedia of Islam* 1963, 3/810). Kita juga turut mendapati Aḥmad b. Hanbal (m. 241/855) merakam riwayat panjang berkaitan seorang Muslim yang telah bertemu dengan seorang kristian di zaman Mu'awiyah di sebuah biara, diceritakan bagaimana Heraclius telah menghantarnya untuk bertemu Nabi Muhammad dan juga pertemuan semasa peperangan Tabuk (Hamidullah 1967, 85). Contoh-contoh di atas seolah-olah memberikan satu gambaran luas akan kelebihan mengambil daripada sumber yang pelbagai sebagaimana yang dinyatakan oleh Muhammad Hamidullah.

To collect materials from such varied and multifarious sources was not possible for a single generation, much less for a single person. Some information, even when recorded, could remain for generations confined to a certain locality and would not become available to the general student. The material was not merely religious or political, but also social, economic, and cultural; in fact, it related to all walks of life. Happily the early Muslim historians were not content with the information pertaining to the person the Prophet only, but also gathered the material about his time and his contemporary society.

Meskipun luas dan panjang perbincangan para ilmuwan daripada sudut pemerolehan sumber, artikel ini hanya akan memberi tumpuan kepada penyampaian dan pemikiran Ibn Ḥibbān tentang *sīra* Nabi Muhammad daripada ḥadīth-ḥadīth berserta ulasan Ibn Ḥibbān sepanjang karya *al-Thiqāt*. Antara lainnya juga, artikel ini

bertujuan untuk memerikan pendekatan Ibn Ḥibbān ke atas sīra Nabi agar dapat sampai kepada perhitungan-perhitungan umum hubung kait antara pengajian ḥadīth dan historiografi. Penggunaan dua kajian kes daripada *Kitab al-Thiqāt* oleh Ibn Ḥibbān adalah bagi menganalisa kerangka *tarājim* (tajuk-tajuk bab) dan susunan naratifnya yang akan menjelaskan lagi kepakaran Ibn Ḥibbān melangkaui bidang pengajian ḥadīth. Dua kes tersebut adalah: (i) genealogi Nabi, (ii) kenabian. Dua kisah ini dipilih berdasarkan kepentingan keduanya di dalam membentuk biografi *sīra* tersebut. Pasti untuk membentangkan sejarah perjalanan kisah seorang Nabi adalah sama sukarnya seperti membukukan ḥadīth-ḥadīth autentik buat Ibn Ḥibbān. Bukan satu perkara yang mudah untuk kekal setia kepada keduanya iaitu kelancaran cerita sejarah yang objektif dan juga tuntutan ḥadīth autentik. Namun Ibn Ḥibbān jelas akan kenyataan bahawa *sīra* bukanlah membentuk satu sistem peraturan atau doktrin yang tertutup, walaupun tetap sukar untuk mengekstrapolasi norma-norma daripada sumber yang tidak lengkap malah juga sering bercanggahan antara satu sama lain (K. Abu Deeb 1990, 339).

Penyaringan Sumber: Metodologi Kritikan Ḥadīth

Dalam penulisan akademik hingga kini, pemerhatian yang amat terhad telah diberikan kepada kerangka *al-Thiqāt* samada daripada segi pensejarahan atau idea daripada penyampaian kerangka tersebut. Kembali kepada aturan yang terisi daripada penulisan tersebut adalah merupakan perkara terbaik untuk memahami teknik-teknik yang telah digunakan. Sepanjang karya *al-Thiqāt*, Ibn Ḥibbān menjelaskan berulang kali prinsip-prinsip aturan, klasifikasi dan babak-babak kerjanya. Berikut adalah pengenalan tipikal hasil kerja beliau merangkumi daftar senarai maklumat yang terhad dan padat. Ibn Ḥibbān merangkum rumusan biografi tersebut dengan menyatakan:

Di dalam kitab ini kami bermula dengan laporan al-Muṣṭafā daripada kelahirannya, [permulaan] kenabian, hijrah, hingga baginda diangkat ke syurga oleh Allah. Kemudian kami menyebut para sahabat Nabi satu persatu dengan susunan abjad kerana mereka adalah generasi terbaik setelah Nabi. Setelah mereka, kami menyebut para tābi'īn yang bertutur dengan para sahabat Nabi dari seluruh rantau dengan susunan abjad kerana mereka adalah orang yang terbaik setelah para sahabat. Kemudian kami menyebut generasi ketiga yang bertemu para tābi'īn dengan cara yang sama kami sebut generasi pertama dan kedua. Kemudian kami menyebut generasi keempat yang bertemu para tābi'īn dengan cara yang sama kami sebut pendahulu mereka. Generasi ini berakhir sehingga ke masa kami (Ibn Ḥibbān 1973, 1/10-11).

Pengenalan *Kitab al-Thiqāt* di atas adalah contoh kecenderungan Ibn Ḥibbān untuk mengelompok manusia dari masa atau zaman yang sama, menyebut maklumat sedia ada secara bertema, dan menyusun kelompok manusia serta tajuk secara kronologi. Prinsip yang diguna pakai untuk penyusunan mengikut empat kelompok generasi sangat bermanfaat, malah prinsip-prinsip klasifikasi ini tidaklah terabai daripada kajian akademik masakini dan pasti isi kandungan penulisannya juga. Namun begitu, analisa oleh Juynboll di dalam *Encyclopaedia of Islam* ke atas bilangan *ṭabaqāt* (generasi) *Kitab al-Thiqāt* tidak menyebutkan generasi keempat (Juynboll 2005, 8/516). Di dalam ulasannya, beliau menyatakan *Kitab Thiqāt* dimulai dengan biografi Nabi Muhammad yang panjang dan diikuti dengan tiga generasi (*it is further organised on the basis of three ṭabaqāt: that of the Successors and those of the following two generations*).

Secara umum, kita boleh mengungkap bahawa *Kitab Thiqāt* adalah satu kamus biografi perawi ḥadīth yang mengelompok empat generasi selepas Nabi Muhammad berbingkai pengenalan di awalnya dan catatan tambahan di penghujungannya. Walaupun demikian, para

perawi disusun mengikut abjad yang sedikit 'longgar' iaitu penekanan yang lebih hanya diberikan pada huruf pertama. Pemasukan bukan para perawi ḥadīth juga turut didapati meskipun perawi ḥadīth mendominasi daftar senarai nama di dalam kamus ini.

Penyenaraian senarai pemerintah-pemerintah dunia Islam juga merupakan blok bangunan penting yang membina biografi *Kitab al-Thiqāt*. Sebagai contoh, di bawah bab berkenaan khalifah dan raja, Ibn Ḥibbān menyenaraikan raja-raja sehingga ke era beliau beserta nama penuh mereka, peristiwa-peristiwa penting yang berlaku pada zaman pemerintahan mereka dan sebagainya. Di dalam istilah Ibn Ḥibbān, beliau menganggap hanya empat orang yang pertama sebagai khalifah dan selebihnya adalah raja. Secara umum boleh disimpulkan, *Kitab al-Thiqāt* merupakan antara karya penting yang merakam biografi perawi ḥadīth dari tiga kurun pertama hijrah dan juga rakaman sejarah klasik Islam yang tidak berkaitan transmisi ḥadīth. Subjek-subjek *al-Thiqāt* merangkumi sīra Nabi Muhammad, sejarah para khalifah dan raja, biografi sahabat, perawi ḥadīth, ahli teori undang-undang, ahli hukum, hakim, ahli teologi, dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, tema utama kitab ini dikhaskan kepada para perawi ḥadīth yang mempunyai kefahaman mendalam terhadap Islam seperti diungkapkan Ibn Ḥibbān.

Seperti *Tārīkh al-Kabir* oleh Bukhari yang terkenal, kebanyakan biografi di dalam *al-Thiqāt* membekalkan tarikh kewafatan perawi. Seorang pengkaji boleh melihat perkara yang sama apabila membuka kamus biografi perawi ḥadīth lain yang pada kebiasaannya akan disampaikan tarikh kewafatan berbanding tarikh-tarikh signifikan yang lain. Tarikh-tarikh yang dibekalkan di dalam empat *ṭabaqāt* pembahagian Ibn Ḥibbān tersebut melingkungi garis masa seawal kurun pertama/kesepuluh hingga ke awal kurun keempat/kesebelas. Perkara ini dapat dikenal pasti melalui penyertaan guru Ibn Ḥibbān yang terkenal, Abū Ya' lā Aḥmad b. 'Alī b. al-Muthannā

(m. 307/919) di dalam generasi terakhir (Ibn Ḥibbān 1973, 8/55). Pastinya penggunaan sistem *ṭabaqāt* yang diguna pakai Ibn Ḥibbān mempunyai matlamat yang jelas dan teliti. Inspirasi beliau adalah untuk mengenal pasti sarjana yang mempunyai autoriti bagi penentuan kaedah dan doktrin agama. Kecenderungan mengguna pakai genealogi *ṭabaqāt* di dalam karya biografi sebegini adalah untuk membina hierarki autoriti yang menentukan ketulenan transmisi ilmu-ilmu Islam seperti di dalam ḥadīth.

Seperti yang dinyatakan dengan jelas oleh Ibn Ḥibbān, karya ini adalah untuk menghasilkan biografi Nabi yang tulen setelah disaring daripada bahan-bahan yang bercampur baur. Kerja *sīra* Ibn Ḥibbān adalah kerja tambahan memandangkan hasil kerja beliau di dalam ilmu ḥadīth telah pun didampingi bahan-bahan palsu yang memerlukan pengamatan dan penelitian lebih tinggi untuk penilaian ḥadīth. Contoh yang boleh didapati adalah pendekatan kritikan *matn* (teks/isi kandungan) yang diguna pakai oleh Ibn Ḥibbān seperti yang terpapar di dalam koleksi ḥadīth terkenal beliau, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* (Brown 2008, 144). Beliau telah mengulas kisah yang didapati meragukan dari segi kemustahilan logik atau bercanggah daripada kenyataan sejarah, dogma dan perundangan. Di dalam kisah terkenal peperangan Khandak misalnya, Ibn Ḥibbān menolak sama sekali ḥadīth atau riwayat yang menyatakan Nabi mengikat perut dengan menggunakan batu ketika berpuasa bagi menahan kelaparan. Beliau mendakwa sebarang kisah yang menunjukkan kelaparan Nabi hanya melahirkan keputusan Allah membiarkan Nabi berada di dalam keadaan lapar. Pendapat ini bertentangan dengan ḥadīth "sesungguhnya aku tidak sama seperti kalian semua, aku diberi makan dan minum [oleh Allah]." Ibn Ḥibbān turut menambah ulasan bahawa perkataan yang tepat adalah hujung kain (*izār*) diikat (*ḥajaz*) bukanlah "ikatan batu" (*ḥajar*). Lalu beliau simpulkan, "batu tidak menghilangkan kelaparan (Ibn Ḥibbān 1993, 8/345)."

Kerangka Kronologi

Seterusnya di dalam *al-Thiqāt*, pembentangan elemen *sīra*nya adalah di dalam kerangka kronologi berserta analistik seperti yang digunakan al-Ṭabarī (m. 310/923) di dalam *Tārīkhnya*. Ibn Ḥibbān meletakkan tahun atau tarikh tertentu sebagai tajuk bab yang akan disampaikan. Kisah-kisah yang berkaitan akan diletakkan setelah beliau menyatakan tajuknya seperti “di dalam tahun *n*”, atau “Kemudian, datang pula tahun *n*.” *Isnād* pula berada di antara tajuk dan kisah yang akan disampaikan. Walaupun sebegitu, jika dibandingkan dengan tradisi keilmuan ḥadīth, penggunaan *isnād* di dalam karya ini tidak kerap. Sedikit sekali *sanad* tersebut lengkap dan acap kali dibiarkan kisah tanpa *bersanad* yang membuatkan pembaca tidak dapat menjejak asal sumber sesuatu kisah iaitu sama seperti gaya penulisan karya *sīra* yang lain. Jika diteliti petikan-petikan *sanad*, boleh didapati keberadaan nama Ibn Ishāq adalah paling konsisten dan jelas pengaruh beliau ke atas karya Ibn Ḥibbān tersebut. Secara ringkasnya, kisah-kisah yang dipersembahkan di dalam *al-Thiqāt* didapati sama seperti di dalam *Ṣaḥīḥ* beliau (Bin Muhammad Yusoff, 2017). Namun kelancaran kisah *sīra* di dalam *Ṣaḥīḥ* tidaklah seperti *al-Thiqāt*. Episod-episod cerita di dalam *al-Thiqāt* lebih lancar berbanding *Ṣaḥīḥ*, malah lebih mempunyai “debaran dan sentuhan emosi” yang tidak tersekat-sekat disebabkan kelancaran teks-teks tersebut. Manakala di dalam *Ṣaḥīḥ*, teks terbina melalui tiga unsur: (1) tajuk bab, (2) ḥadīth, (3) syarah. Kesemua ini diletakkan di bawah satu kerangka di mana teks-teks tersebut disusun mengikut subjek seperti koleksi-koleksi ḥadīth klasik.

Adapun di setiap permulaan bab dan bahagian bertahun (*annalistic heading*) *al-Thiqāt*, Ibn Ḥibbān sekurang-kurangnya akan bermula dengan satu ḥadīth yang lengkap *bersanad*. Sebagai contoh, sejurus sahaja selepas bahagian pengenalan *al-Thiqāt*, Ibn Ḥibbān meletakkan satu ḥadīth berhubung tahun kelahiran Rasulullah. Ḥadīth tersebut didahului dengan tajuk ringkas: *dhikr mawlid Rasūl Allāh ṣallā*

Allāh ‘alayh wa sallam (Bab Kelahiran Rasūl Allāh *ṣallā Allāh ‘alayh wa sallam*) (Ibn Ḥibbān 1973, 1/14). Manakala syarah yang datang selepas ḥadīth tersebut akan dimulai dengan formula: *qāla Abū Ḥātim* (telah berkata Abū Ḥātim [Ibn Ḥibbān]). Ḥadīth berkaitan bab kelahiran ini cuba untuk menetapkan dengan tepat tarikh kelahiran Rasulullah dan juga menentukan tahun sebelum dan selepasnya. Kemudian Ibn Ḥibbān meneruskan penulisannya berkaitan “peristiwa gajah” di mana tentera Abraha bersama gajah-gajah mereka dikalahkan di pinggir kota Makkah. Kesemua peristiwa-peristiwa tersebut disusun mengikut turutan dan bab tersebut berakhir dengan kematian Abraha lalu digantikan dengan anaknya Yaksum (Zaman 1996, 3).

Selain daripada ayat-ayat al-Quran dan ḥadīth-ḥadīth, elemen utama di dalam teks *sīra* Ibn Ḥibbān adalah puisi atau syair dan pemasukan puisi-puisi ini di celah-celah teks *sīra* lagi menginspirasi perjalanan kisah Nabi. Namun begitu, kemahiran filologi dan kepintaran memahami bait-bait puisi lebih diperlukan berbanding teks *sīra* yang lebih mudah bahasanya. Puisi-puisi di dalam *al-Thiqāt* membicarakan pelbagai tema dan gaya; sebagai contoh, puisi-puisi oleh Ḥassān b. Thābit (m. 54/673), sasterawan terkemuka di zaman Nabi Muhammad yang seringkali membangkitkan puji-pujian tinggi terhadap Islam banyak dirakam di dalam karya ini. Antara yang paling utama melibatkan puisi Ḥassān b. Thābit adalah dijadikan garis pemisah di antara dua era iaitu Makkah dan Madinah di bawah peristiwa bab hijrah Rasulullah. Kerangka naratif Ibn Ḥibbān adalah sama seperti penulis lain di mana kisah Nabi dikelaskan kepada dua peringkat. Era Makkah bermula daripada kelahiran Nabi sehingga hijrah ke Madinah. Termasuk di dalam era ini adalah zaman sebelum kedatangan Islam, genealogi atau salasilah Nabi, penurunan wahyu, permulaan dakwah terbuka, hijrah ke Habsyah, perjanjian Aqaba dan hijrah ke Madinah.

Menurut tulisan *sīra* karangan Ibn Ishāq, episod hijrah ke Madinah disisipi peristiwa 'Alī menggantikan tempat tidur Nabi Muhammad di malam hari (Ibn Hishām, 1/484). Laporan kisah ini boleh dijejaki rantaian *sanad*nya melalui Yazīd b. Ziyād ← Muḥammad b. Ka'b al-Qurazī. Kisah ini berada di sela-sela antara kisah lain yang boleh dijejaki kembali asal-usulnya daripada para perawi berbeza sebagaimana yang telah dirakam oleh Ibn Hishām, anak murid kepada Ibn Ishāq. Walau bagaimanapun, episod 'Alī tersebut tidak dapat ditemui di dalam rakaman Ibn Ḥibbān, tetapi terdapat kisah lain daripada rantaian *sanad*; Muḥammad b. al-Ḥasan b. Qutayba al-Lakhmī ← Ibn Abī Sirrī ← 'Abd al-Razzāq ← Ma'mar ← al-Zuhrī ← 'Urwa b. al-Zubayr ← 'Ā'isha (Ibn Ḥibbān 1973, 1/117). Versi ini memaparkan penglibatan seluruh ahli keluarga Abū Bakr membuat persediaan bagi peristiwa besar tersebut. Ḥadīth yang menceritakan kisah tersebut menjelaskan peristiwa hijrah bermula dari rumah Abū Bakr di waktu tengahari.

Dalam konteks ini, telah masyhur di kalangan umat Islam peristiwa hijrah diambil oleh 'Umar bersama majlis penasihatnya yang terdiri daripada kalangan para Sahabat untuk dijadikan satu sistem pentarikan yang seragam di dalam Islam (Daoud 1998, 106). Sebagaimana yang telah dinyatakan pemisahan era Makkah dan Madinah, bahagian atau bab seterusnya di dalam *al-Thiqāt* dipisahkan melalui tajuk menurut tahun pertama, kedua, ketiga hijrah dan seterusnya sebagai perlambangan bermulanya era Madinah. Ada kalanya, Ibn Ḥibbān menghubungkan peristiwa yang berlaku di dalam tahun yang sama melalui pemasukan frasa seperti "*fi shahr al-rabī' al-awwāl* (di dalam bulan *rabī' al-awwāl*).” Di bawah setiap tahun tersebut, Ibn Ḥibbān turut memasukkan fasal-fasal berhubung *ghazawāt* (peperangan) Nabi dan juga *sarāyā* (perang tanpa penglibatan Nabi) menentang orang-orang Quraysh dan sekutu mereka serta musuh-musuh lain samada serangan hendap atau peperangan penuh. Perang Badr adalah peperangan pertama yang signifikan, terus hingga ke peperangan Uhud dan

sehinggalah pembukaan kota Makkah di mana muslimin masuk dengan jayanya masuk ke kota tersebut. Bermula daripada detik atau noktah ini di dalam *al-Thiqāt*, Ibn Ḥibbān mengguna pakai garis masa secara kronologi tahun hijrah sehinggalah tahun keempat puluh hijrah.

Perihal kewafatan dan rupa paras atau bentuk Nabi menjadi bab penutup kepada bahagian *sīra* di dalam *al-Thiqāt*. Ibn Ḥibbān menyimpulkan bahagian ini dengan menjelaskan secara teliti rupa paras Nabi (kulit cerah, berjanggut lebat, ketinggian sederhana dan lain-lain), akhlak Nabi di dalam pertuturan (lembut dan tenang ketika perbualan biasa namun lantang ketika berkhotbah) dan perkara-perkara lain lagi (Ibn Ḥibbān 1973, 1/145). Secara keseluruhannya, biografi Nabi Muhammad adalah yang terpanjang berbanding bahagian-bahagian *al-Thiqāt* lain iaitu meliputi satu perlaparan daripada keseluruhan kitab. Menuruti seperti pendahulu-pendahulunya, Ibn Ḥibbān meneruskan sejarah Islam selepas tahun 11 hijrah/632 masihi sehinggalah ke zaman beliau dengan memfokuskan pemerintah-pemerintah muslim samada para khalifah atau raja (mengikut terminologi yang diguna pakai oleh Ibn Ḥibbān). Penyertaan perihal para khalifah dan raja jauh lebih ringkas berbanding *sīra*, namun lengkap bertanggal tahun hanya sehingga 40/660 (Ibn Ḥibbān 1973, 2/301).

Sementara itu, visi Ibn Ḥibbān terhadap tiga khalifah pertama, Abu Bakr, Umar dan Uthman adalah sebagaimana kelaziman Sunni dan beliau menekankan Nabi tidak melantik Ali sebagai pengganti baginda. Malah menurut Ibn Ḥibbān, tiada ḥadīth dapat mengeneipikan keistimewaan Abu Bakr berbanding para Sahabat lain melainkan ḥadīth lantikan pengganti imam di dalam solat. Keulungan status khalifah Abu Bakr jelas terpapar di dalam ḥadīth yang berkaitan rukun Islam ini, tambah Ibn Ḥibbān lagi. Ḥadīth ini dibentangkan sebagai penutup kepada bahagian *sīra* sejurus sebelum bermula bahagian khalifah dan raja, dan perkara ini turut boleh didapati di dalam kebanyakan koleksi-koleksi ḥadīth Sunni atau karya-karya sejarah (Ibn

Ḥibbān, 2/131). Bagi menggariskan pemisahan era khalifah dan permulaan era monarki, Ibn Ḥibbān mempersembahkan sepotong ḥadīth, “khalifah setelahku berlangsung hingga tiga puluh tahun, kemudian datang selepasnya para raja.” Penjelasan tersebut datang di bawah tajuk “*dhikr al-bayān bi-annā man dhakarnāhum kānū khulafāʾ, wa man baʿdahum kānū mulūkā* (penerangan buat mereka yang telah kami sebutkan adalah para khalifah dan selepas mereka adalah para raja).” Bahagian ini berakhir dengan pemasukan al-Muṭīʿ b. al-Muqtadir (m. 363/974) lalu dituruti dengan biografi para perawi ḥadīth berjumlah sekitar 16000 orang.

Sebahagian Ilustrasi: Genealogi Nabi

Bahagian awal *al-Thiqāt* turut meliputi beberapa genealogi atau salasilah Nabi dan menonjolkan leluhur Nabi yang utama. Subjek berhubung salasilah Nabi sangat menarik perhatian Ibn Ḥibbān memandangkan perselisihan yang timbul di dalam perkara ini. Melalui analisa perbandingan teks barangkali, Ibn Ḥibbān membentangkan perbezaan-perbezaan yang terdapat dari pelbagai sumber. Perlu ditekankan di sini dalam konteks metodologi Ibn Ḥibbān, kisah-kisah yang tidak pasti kesahihannya telah digunakan di dalam menyampaikan salasilah tersebut lalu dibentangkan berdasarkan “sumber yang tersedia.” Di dalam hal ini, sebagaimana yang ditekankan oleh Daniel Martin Varisco, “*genealogy ... must be approached as a mode of discourse ... and at some point [sic.] it must be read as more than a genealogy; historiography must give way to hermeneutic* (Varisco 1995, 145).” Ibn Ḥibbān telah mengemukakan salasilah yang menampakkan susur galur Nabi Muhammad melalui para nabi terdahulu sehingga sampai ke Nabi Ādam (Ibn Ḥibbān 1973, 1/21). Beliau turut menekankan bahawa kepastian susur galur ini hanyalah dapat dilakarkan sehingga ʿAdnān. Manakala daripada ʿAdnān hingga Ādam adalah sebaliknya,

Muhammad, anak ʿAbd Allāh, anak ʿAbd al-Muṭṭalib, anak Hāshim, anak ʿAbd Manāf, anak Quṣayy, anak Kilāb, anak Murra, anak Kaʿb,

anak Luʿayy, anak Ghālib, anak Fihri, anak Malik, anak al-Naḍr, anak Kināna, anak Khuzayma, anak Mudrika, anak Ilyās, anak Muḍar, anak Nizār, anak Maʿadd, anak ʿAdnān... sebahagian menyatakan: ʿAdnān, anak Udad, anak ʿAwaj, anak al-Muṭīm, anak al-Tamh, anak al-Qasūr, anak al-Anūd, anak Daʿdaʿ, anak Maḥmūd, anak al-Zāid, anak Badan, anak al-Daws, anak Ḥiṣn, anak al-Nizāl, anak al-Qāsim, anak al-Mujashshir, anak Maʿdad, anak Ṣayfī anak al-Nabt, anak Qaydar, anak Ismāʿīl, anak Ibrāhīm... sebahagian menyatakan: Ibrāhīm, anak Āzar, anak Tārikh, anak Nāhūr, anak Sārūh, anak Arjū, anak Fālij, anak Ābīr, anak Sayh, anak Arfakhshad, anak Sām, anak Nūh (nabi) ... sebahagian menyatakan: Nūh, anak Lāmik, anak Mitūshilah, anak Khunūkh (iaitu Nabi Idrīs), anak Yāriza, anak Maḥlāyīl, anak Qaynān, anak Anūsh, anak Shīth, anak Ādam.

Salasilah keturunan Nabi Muhammad secara leluhur demi leluhur hanya disepakati oleh para sarjana awal Islam sehingga ʿAdnān sahaja iaitu dikenali dengan “bapa orang-orang arab utara.” Manakala keturunan agnatik ʿAdnān dikatakan turun daripada Nabi Ismāʿīl dan Ibrāhīm yang tidak dapat dipastikan penghubungannya antara mereka. Ibn Ḥibbān telah menyebutkan antara ʿAdnān dan Ibrāhīm terdapat lima sehingga dua puluh dua penghubung leluhur yang memisahkan mereka. Mengambil perhitungan atas perbezaan ini, Ibn Ḥibbān membawakan lima riwayat yang menayangkan perbezaan susur galur yang memisahkan ʿAdnān dan Ibrāhīm, tiga perbezaan yang memisahkan Ibrāhīm dan Nūh, dan tiga perbezaan yang memisahkan Nūh dan Ādam. Senarai tersebut membuka tanggapan kesempurnaan salasilah melalui penekanan kembalinya susur galur tersebut kepada asal kemanusiaan dan juga melalui bilangan leluhur yang telah turut serta. Sebagaimana yang telah dinyatakan dengan jelas oleh tokoh sezaman Ibn Ḥibbān iaitu al-Ṭabarī, dengan kecenderungan Arab terhadap pemeliharaan salasilah, untuk menghubungkan sistem tradisi Arab dengan salasilah lebih awal adalah satu kebiasaan. Al-Ṭabarī turut menjelaskan lagi bahawa salasilah Nabi telah diambil daripada ahli Kitab (al-

Ṭabarī 1988, xxxviii).

Salasilah memainkan peranan penting di dalam tradisi kebudayaan Arab dan ia adalah kerangka asas yang merangkumkan cerita-cerita dan memori-memori silam. Setiap individu mengisahkan kehormatan suku masing-masing dan terbitnya kehormatan tersebut menerusi pengikatan dengan nama-nama tersohor di masa silam. Di dalam ḥadīth yang telah diletakkan Ibn Ḥibbān, Nabi Muhammad menyatakan leluhur baginda yang penting iaitu Ismā'īl, Kināna, Quraysh, dan Hāshim. Nabi bersabda: “Sesungguhnya Allah memilih Kināna di kalangan keturunan Ismā'īl, dan Dia memilih Quraysh di kalangan Kināna, dan Dia memilih Banī Hāshim di kalangan Quraysh, dan Dia memilih aku di kalangan Banī Hāshim. Dan aku adalah penghulu anak-anak Ādam tanpa megah (Ibn Ḥibbān 1973, 1/21).” Secara keseluruhannya, rakaman-rakaman salasilah lelaki lebih ditonjolkan berbanding wanita namun tidak diabaikan wanita sepenuhnya oleh para sarjana pada zaman tersebut. Contohnya, kamus-kamus biografi seperti *al-Thiqāt* merakam kedua-dua belah garis keturunan samada lelaki mahupun wanita. Di dalam daftar senarai para perawi, Ibn Ḥibbān akan cuba mengemukakan nama penuh seorang perawi bersekali garis keturunan ibu dan ayah jika ada. Ibn Ḥibbān turut meletakkan 222 orang wanita yang merupakan perawi ḥadīth berpengaruh daripada kalangan para sahabat Nabi atau 16.5 peratus yang mewakili kesuluruhan generasi para sahabat.

Begitu juga rakaman riwayat salasilah ibu Nabi turut dibentangkan daripada datuk dan nenek sebelah ibu baginda (Ibn Ḥibbān, 1/47). Ibn Ḥibbān meletakkan bab salasilah ini di akhir bab *sīra* di mana kesemua ahli keluarga disebut mengikut pertalian mereka dengan Nabi. Manakala para isteri baginda diberikan penceritaan yang lebih teliti daripada nama penuh mereka, kabilah atau suku, awal perkahwinan mereka bersama baginda Nabi dan kesemua ini disusun mengikut urutan tarikh atau tahun perkahwinan mereka. Di dalam teks

berhubung perkahwinan baginda dan Khadījah, Ibn Ḥibbān mengambil kisah Nabi dan bapa saudaranya Hamza pergi bertemu ayah Khadījah iaitu Khuwaylid b. Asad dan dipersetujui perkahwinan mereka oleh bapa Khadījah sendiri. Manakala episod pertemuan Khadījah dan Waraqa di dalam bab ini adalah asas untuk menyediakan kisah agung penurunan wahyu yang merupakan permulaan episod kenabian. Waraqa menyatakan kepada Khadījah: “Jika benar ini wahai Khadījah, Muhammad adalah nabi buat kaum kita. Telah lama aku menanggung kedatangan nabi dan sekarang masanya telah pun tiba (Ibn Ḥibbān, 1/47).”

Kenabian

Perangkuman kesemua kisah-kisah berhubung bab permulaan kenabian adalah lebih sesuai memandangkan proses penghuraian kisah kenabian akan dapat lebih difahami keluasan skopnya menerusi ulasan konsepsi wahyu Ibn Ḥibbān. Ḥadīth pertama yang dikemukakan di dalam bab ini menerangkan titik permulaan kenabian Muhammad ditentukan Allah di antara penciptaan Ādam dan hembusan roh kepadanya. Ḥadīth tersebut dipaparkan di bawah lakaran tajuk *bad' al-wahy* (permulaan wahyu) sebagai permulaan kepada kisah penting yang bakal disampaikan. Kemudian ḥadīth kedua yang dirakam oleh Ibn Ḥibbān adalah ḥadīth 'Ā'isha. Berikut adalah petikan daripada ḥadīth tersebut,

“yang pertama (dari wahyu) kepada Rasulullah adalah mimpi yang baik di dalam tidur. Baginda tidak pernah bermimpi melainkan akan menjadi kenyataan seperti merekahnya cahaya subuh. Kemudian baginda gemar taḥannuth (bersendiri). Baginda sering bersendiri di Gua Hira... di Gua Hira, datanglah malaikat seraya berkata, “Bacalah!” Baginda berkata, ‘Sungguh aku tidak dapat membaca.’ Ia mengambil dan mendakapku sehingga aku lelah. Kemudian ia melepaskan aku, lalu berkata, ‘Bacalah!’ Maka aku berkata, ‘Sungguh aku tidak dapat membaca.’ Lalu ia mengambil dan mendakapku kali kedua, kemudian ia melepaskan aku lalu berkata, ‘Bacalah!’ Maka aku berkata, ‘Sungguh

aku tidak boleh membaca.' Lalu ia mengambil dan mendakapku kali ketiga, kemudian ia melepaskan aku. Lalu ia membacakan, 'Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu Yang Menciptakan...' Kemudian Rasulullah pulang dengan membawa ayat itu dengan perasaan hati yang goncang lalu beliau masuk menemui Khadījah binti Khuwaylid, lantas baginda bersabda, 'Selimutilah aku, selimutilah aku!' Maka mereka menyelimuti baginda sehingga ketakutan baginda hilang. Baginda bersabda dan menceritakan kisah tersebut kepada Khadījah, 'Sungguh aku takut atas diriku.' Lalu Khadījah berkata kepada baginda, 'Jangan takut, demi Allah, Allah tidak akan menyusahkan engkau selamanya.' Kemudian Khadījah membawa beliau pergi kepada Waraqah bin Nawfal ... Lantas Rasulullah menceritakan kepadanya tentang apa yang baginda telah lihat. Kemudian Waraqah berkata kepada baginda, 'Ini adalah nāmūs yang diturunkan Allah kepada Mūsā!' ... Lantas Rasulullah bertanya, 'Apakah mereka akan mengusir aku?' Waraqah menjawab, 'Ya, belum pernah datang seorang lelaki yang (membawa seperti apa yang engkau bawa kecuali ia ditolak (dalam satu riwayat: disakiti/diganggu). Jika aku masih hidup ketika engkau diutus sebagai nabi, maka aku akan menolongmu dengan pertolongan yang tangguh.) Tidak lama kemudian Waraqah meninggal dan wahyu pun bersela (Ibn Ḥibbān 1973, 1/48-51)."

Ibn Ḥibbān menyatakan bahawa pengutusan kenabian tersebut boleh didapati di dalam dua versi ḥadīth. Pertama adalah ḥadīth 'Ā'isha di atas yang mengandungi gagasan wahyu seperti "mimpi nyata di dalam tidur," kedatangan malaikat, pengalaman kegerunan Nabi, dan lain-lain lagi. Manakala yang kedua, ḥadīth Jabir iaitu kesinambungan kronologi ḥadīth 'Ā'isha di Gua Hirā' (Ibn Ḥibbān 1973, 1/51).

Terdapat beberapa perbezaan di dalam versi kisah berkenaan dengan Waraqah, namun titik utama kepastian kisah Nabi tersebut adalah pengalaman baginda dipertemukan *nāmūs* sebagaimana yang dialami Nabi Musa atau

Isa. Ibn Ḥibbān mengulas ḥadīth tersebut dengan beberapa frasa yang menghubungkan kejadian wahyu kedua langsung dengan yang pertama: "Ianya adalah Jibril yang muncul kepada baginda dengan 'Bacalah, dengan nama Tuhan yang menciptakan.' Apabila baginda pulang ke rumah Khadījah dan diselimuti, Allah menurunkan wahyu di rumah Khadījah, 'Wahai orang yang berselimut! Bangunlah (serta berilah) peringatan. Dan Tuhanmu (ingatlah) kebesarannya'." Pada keseluruhannya, frasa ini menghantar makna kesatuan di antara dua ḥadīth walaupun secara pandangan mata kasar kedua-duanya dilihat terpisah.

Episod penurunan wahyu kepada Nabi mempunyai makna mendalam daripada tiga ḥadīth yang telah diletakkan di mana semua berperanan sebagai penampilan satu unit. Bahagian ini menghidangkan lebih daripada kronologi garis masa wahyu pertama memandangkan Ibn Ḥibbān memperkatakan asal kenabian, wahyu pertama, pengalaman berwahyu, dan senggang masa antara wahyu. Walaupun dengan penyampaian ḥadīth, beliau tidak mudah menjelaskan kepercayaannya tetapi menggunakan beberapa alat (seperti tajuk bab, ulasan) sebagai bantuan untuk para pembaca memahami pemikiran beliau berhubung konsep wahyu. Untuk gambaran tambahan, kedudukan ḥadīth pertama di permulaan episod wahyu menayangkan keluasan konteks kenabian tersebut: "Mereka bertanya; wahai Rasulullah, bilakah kenabian diangkat buat dirimu? Baginda menjawab: di antara penciptaan Ādam dan hembusan roh kepadanya." Daripada awal lagi Ibn Ḥibbān mahu para pembaca agar memikirkan perkara yang melangkaui peristiwa penurunan wahyu pertama di Gua Hira tersebut, sebaliknya takdir ilahi sebenar-benar telah nyatanya.

Kesimpulan

Kesemua yang telah dipaparkan adalah sebahagian keterangan kesarjanaan Ibn Ḥibbān selaku imam di dalam ilmu ḥadīth dan pendekatannya terhadap *sīra* Nabi. Manakala tulisan *sīra* yang diteroka di dalam makalah ini

boleh ditandakan sebagai “historiografi sarjana ḥadīth.” Ibn Ḥibbān terkenal kerana kesarjanaan ḥadīth namun beliau juga merupakan sejarawan yang menghasilkan tulisan gabungan di antara ciri-ciri asas metodologi kritik ḥadīth (kritikan *matn* seperti yang dijelaskan, manakala *al-Thiqāt* adalah karya berhubung kritikan *sanad*) dan juga kerangka kronologi di dalam bentuk analitik. Usaha-usaha beliau untuk mengumpul semua kerencaman sumbangan para sarjana yang lebih awal di dalam lapangan ini sangat mempesonakan. Tulisan *sīra* di dalam *al-Thiqāt* amat penting untuk menjelaskan tentang diri Ibn Ḥibbān itu sendiri; bagaimana beliau meneliti sumber-sumber yang ada, kemudian disusun di bawah kepraktikalan *tarājim* (tajuk-tajuk bab) yang adakalanya panjang namun sangat penting buat para penyelidik kerana kandungan teks yang besar jumlahnya. *Tarājim* lahir daripada interaksi Ibn Ḥibbān bersama teks *sīra* tanpa ada kesangsian; ia adalah perhubungan aktif yang menggabungkan pelbagai elemen yang berlainan iaitu apa yang dibaca Ibn Ḥibbān, metodologi beliau, kecenderungan ideologi, aspirasi di dalam penulisan *al-Thiqāt* dan lain-lain lagi. Secara keseluruhannya, kesemua hasil kerja beliau membolehkan para pembaca dan penyelidik untuk merungkai pelahiran maksud berlainan dan unik berhubung cerita kehidupan Nabi Muhammad.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian hasil kajian Geran Penyelidikan Universiti PPPI/FPQS/0118/17018. Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia kerana mendanai dan meluluskan kajian ini.

Rujukan

A'zami, Muhammad Mustafa. 2000. *Studies in Early Ḥadīth Literature*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

_____. 2002. *Studies in Ḥadīth Methodology and Literature*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

A. A. Duri. 1983. *The Rise of Historical Writing Among the Arabs*. edited and translated by Lawrence I. Conrad, New Jersey: Princeton University Press.

Abbott, Nabot. 1967. *Studies in Arabic Literary Papyri II: Quranic Commentary and Traditions*. Chicago: University of Chicago Press.

Abu Bakr Siraj al-Din, Martin Lings. 1983. *Muhammad His Life Based on the Earliest Sources*. Cambridge: The Islamic Texts Society.

Al-Mālikī, Muḥammad b. ‘Abd al-Bāqī al-Zarqānī. 1996. *Sharḥ al-Zarqānī alā al-Mawāhib al-Laduniyya bi al-Minaḥ al-Muḥammadiya*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyya.

Al-Ṭabarī. 1988. *The History of al-Ṭabarī, vol. VI*, trans. W. Montgomery Watt and M. V. McDonald. Albany: State University of New York Press.

Ali, Kecia. 2010. *Marriage and Slavery in Early Islam*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.

Amin. Kamaruddin. 2005. “The Reliability of the Traditional Science of Ḥadīth: A Critical Reconsideration,” *Al-Jami’ah*, vol. 43, no. 2, 2005/1426H.

Brown, Jonathan A.C. 2008. “How We Know Early Ḥadīths Critics Did *Matn* Criticism and Why It’s So Hard to Find,” in *Islamic Law and Society* 15 (2008).

Bin Muhammad Yusoff, Muhammad Fawwaz. 2017. *Ibn Ḥibbān Al-Bustī’s (d. 354/965) Contribution to the Science of Ḥadīth Transmission*. Unpublished PhD Thesis. University of Glasgow.

- Burge, Stephen. 2011. "Reading between the Lines: The Compilation of Ḥadīth and the Authorial Voice," in *Arabica* 58, (2011).
- Carr, E. H. 2001. *What is History?* Hampshire: Palgrave.
- Cooperson, Michael. 2010. "Biographical Literature," *The New Cambridge History of Islam. Vol. 4: Islamic Cultures and Societies to the End of the Eighteenth Century*, ed. by Robert Irwin. Cambridge: Cambridge University Press.
- Daoud, S. Casewit. 1998. "Hijra as History and Metaphor: A Survey of Quranic and ḥadīth Sources," *The Muslim World*, 88, (1998).
- Fazier, Rizwi S. Fazier. 1999. "The Issue of Authenticity regarding the Traditions of al-Wāqidī as Established in His Kitāb al-Maghāzī," in *Journal of Near Eastern Studies*, 58/2 (1999).
- Gilliot, Claude. 2002. "Prosopography in Islam," *Arab-Islamic Medieval Culture, Special Issue of Medieval Prosopography*, 23 (2002), Kalamazoo: Medieval Institute Publications, Western Michigan University.
- Gorke, Andreas. 2011. The relationship between *maghāzī* and *ḥadīth* in early Islamic scholarship, *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, 74 (2011).
- Ḥamidullāh, Muḥammad. 1967. "Muḥammad Ibn Ishāq (*The Biographer of the Holy Prophet*)", *Journal of the Pakistan Historical Society*, Apr 1, (1967).
- Ibn Ḥajar. 1325H. *Tahdhīb al-Tahdhīb*. Hyderabad: Dāira al-Maārif al-Nizāmiyya.
- Ibn Ḥibbān. 1973. *Kitāb Al-Thiqāt*, ed. by Muḥammad 'Abd al-Muīn Khan. Hyderabad: Dā'ira al-Ma'ārif al-'Uṭmaniyya.
- _____. 1993. *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān bi-Tartīb Ibn Balabān*, ed. by Shu'ayb al-Arna'ūt, Beirut: Muassasa al-Risāla.
- _____. 1417H. *al-Sīra al-Nabawiyya*, ed. Al-Sayyid 'Azīz Bak. Beirut: al-Kutub al-Taqaifiyya.
- Ibn Hishām. 1950. *al-Sīra al-Nabawiyya*, ed. Muṣṭafā al-Saqā, Ibrāhīm al-Abyār, 'Abd al-Hafīz Shiblī. Egypt: Matba'a Muṣṭafā al-Bābā.
- Ibn Ishāq. 1970. *The Life of Muḥammad: A Translation of (Ibn) Ishāq's "Sīrat Rasūl Allāh"*, trans. A. Guillaume. Pakistan Branch: Oxford University Press.
- Khaled, Abu Deeb. 1990. "Literary Criticism," *Abbasid Belles Letters* ed. Julia Ashtiany, T. M. Johnstone, J. D. Latham, R. B. Sergeant, Cambridge: Cambridge University Press.
- Kister, M. J. 1968. "*Al-Taḥannut*": An Inquiry into the Meaning of Term, *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, vol. 31, no. 2, (1968).
- Lecker, Michael. 1995. "The Death of the Prophet Muḥammad's father: did Wāqidī invent some of the evidence?" *Zeitschrift der Deutschen Morgenländischen Gessellschaft*, 145 (1995).
- Rahman, Fazlur. 2009. *Major Themes of the Quran*. University of Chicago Press.
- Roded, Ruth. 1994. *Women in Islamic Biographical Collections*. London : Lynne Rienner.
- Rosenthal, Franz. 1952 *A History of Muslim Historiography*, Leiden: Brill, 1952.
- Rubin, Uri. 1995. *The Eye of the Beholder: The Life of Muḥammad as Viewed by the Early Muslims*. Princeton: The Darwin Press.
- Shoemaker, Stephen J. 2012. *The Death of a Prophet: The End of Muḥammad's Life and the Beginnings of Islam*, Pennsylvania: University of Pennsylvania Press.

Tawfiq, Muḥammad Amin. 1996. "Poetry in the *Sīra* of the Prophet," *Islamic Quarterly* Jan 1.

Varisco, Daniel Martin. 1995. "Metaphors and Sacred History: The Genealogy of Muḥammad and the Arab Tribe", *Anthropological Quarterly*, 68/3, (1995).

Wansbrough, John. 1977. *Quranic Studies: Source and Methods of Scriptural Interpretation*, Oxford University Press.

_____. 1978. *The Sectarian Milieu: Content and Composition of Islamic Salvation History*, Oxford: Oxford University Press.

W, Arafat. 1958. "Early Critics of the Authenticity of the Poetry of the *Sīra*," *Bulletin of the School of Oriental and African Studies* 21/3, (1958).

W, Robertson Smith. 1907. *Kinship & Marriage in Early Arabia*. London: Adam and Charles Black.

Zaman, Muḥammad Qasim. 1996. "Maghāzī and the *Muḥaddithūn*: Reconsidering the Treatment of 'Historical' Materials in Early Collections of Ḥadīth", *Int. J. Middle East Stud.* 28 (1996).

